

# Remaja Melayu tak dipinggir

**M**ARAN: "Pergerakan Pemuda Umno memberi jaminan remaja Melayu tidak akan dipinggirkan, malah akan terus didampingi bagi menjayakan Misi Nasional menjelang 2020," kata Naib Ketuaanya, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, komitmen dan pendekatan Pemuda Umno untuk memperkasakan generasi Melayu dibuat menerusi kegiatan yang boleh membentuk jati diri dan memiliki modal insan unggul.

Katanya, sebagai pemimpin peringkat Pusat dan negeri, Pemuda Umno tidak mahu dipersalahkan oleh generasi muda hari ini kerana gagal mendidik mereka menjadi generasi Melayu berdaya saing.

"Tanda aras kemajuan bangsa, khususnya Melayu dalam tempoh 15 tahun akan datang banyak bergantung kepada usaha pemimpin hari ini mengatur strategi pembangunan minda, pendidikan, sosial dan ekonomi rakyat," katanya pada majlis Ehsan Ramadan di Masjid Felda

Kenanga, Jengka 7, di sini, malam kelmarin.

Hadir sama Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak yang juga Ketua Umno Bahagian Maran; Ahli Parlimen Maran, Datuk Ismail Abd Mutalib; Ketua Pemuda Umno Pahang, Khairuddin Yaakub dan Ketua Pemuda Umno Bahagian Maran, Datuk Shamsul Najmi Shamsuddin.

Khairy berkata, tahap pendidikan generasi Melayu pada 2020 perlu setanding dengan kemajuan negara dan mereka sewajarnya mempunyai kekuatan jiwa menghadapi cabaran global dengan berkesan.

Katanya, hasrat murni Pemuda Umno ialah untuk membantu generasi Melayu hari ini supaya tidak lalai dengan hiburan dan kegiatan yang menjejaskan tumpuan untuk memperbaiki mutu kehidupan.

Sebagai contoh, katanya, pendekatan Putera Umno mendampingi 'mat rempit' untuk dibimbing patut dipuji kerana secara langsung memberi isyarat bahawa golongan itu tidak diabaikan.

Sementara itu, Khairy berkata, program Ehsan Ramadan yang diadakan di seluruh negara sepanjang Ramadan adalah inisiatif Pemuda mendampingi rakyat pelbagai golongan pada peringkat akar umbi.

Beliau menyarankan semua pihak supaya bermuhasabah diri pada Ramadan ini supaya sebarang kesilapan dapat diatasi, disamping bertekad melakukan yang terbaik.

Pada majlis itu, Pemuda Umno turut menghulur bantuan kewangan kepada golongan kurang upaya, anak yatim dan pentadbiran masjid.

*"Remaja Melayu  
tidak akan  
dipinggirkan,  
malah akan  
terus didampingi  
bagi  
menjayakan Misi  
Nasional  
menjelang 2020"*

**Khairy Jamaluddin**  
Naib Ketua Pemuda Umno